

05/12/1999

Dewan Filharmonik unik

Nurul Adlina Kamaludin

IA BUKAN dewan hotel lima bintang atau bahagian dalam kapal mewah yang indah dan menarik. Bagaimanapun, kedua-dua ciri berkenaan ada padanya. Malah ia ternyata lebih unik, istimewa dan hidup berbanding hotel atau kapal.

Ini kerana, irama yang sering dipersembahkan di dalamnya disulami penonton berbilang bangsa, negara dan latar belakang, bersilih ganti seakan-akan memberi nafas dan nyawa kepadanya.

Itulah keistimewaan Dewan Filharmonik Petronas (DFP) yang biar pun sudah mencecah usia setahun Ogos lalu, ternyata masih asing di kalangan masyarakat tempatan. Ia sebaliknya mendapat pujian di kalangan rakyat asing, khususnya ahli muzik dan rakyat asing yang pernah mengunjunginya.

Kenyataan itu ada benarnya kerana sebaik saja melangkah masuk, kita bukan saja terpegun melihat keindahannya dengan ruang yang luas, tetapi pasti mengakui ciri-ciri kemewahan dan prestij abad ke-19 yang terpampang adalah hasil gabungan unik di antara pengaruh Barat dan tempatan.

Dibina menggunakan bahan komposit berteraskan kayu terbaik di dunia daripada mahagoni, cengal, nyatuh disulami ukiran Eropah kuno dan tradisional, dewan yang mempunyai cogan kata 'Dengar dan Anda Akan Lihat', adalah sebuah lagi mercu tanda simbolik negara dalam muzik.

Dewan tiga tingkat yang boleh memuatkan 865 penonton ini misalnya menerapkan unsur tempatan menerusi nama tarian dan alat muzik tradisional pada bilik khas kenamaan, suite korporat di anjung tingkat dua dan tiga.

Ruang kenamaan atau VVIP dikenali sebagai Nobat, dilengkapi dengan sebuah bilik rehat eksklusif yang bergaya mewah. Suite korporat yang turut dilengkapi bilik menunggu pula diberi nama seperti Asyik, Zapin, Ulik, Sumazau dan Gendang, Seruling, Angklung serta Sapeh khusus bagi masyarakat korporat atau syarikat yang ingin menonton pertunjukan secara berkumpulan.

Bagi individu biasa, ruang bawah 'gerai' disediakan. Yang ketara, biar pun berbeza bayaran tiket atau ruang, tempat duduk yang disediakan tetap sama.

Kerusi kayu berkain baldi hijau lumut, dinding dan lantai kayu berwarna coklat cerah dengan ruang anjung di kiri kanan beserta kubah di siling yang dikelilingi lampu bergemerlapan.

Pada bahagian atas pentas utama, tertera ratusan keping timah buatan Malaysia yang unik dan menarik. Namun, paling menarik, di kiri kanan, berdiri gagah dua arca besar dua kali ganda saiz manusia yang menyerupai alat muzik tempatan, angklung.

Tetapi, ia bukan sekadar hiasan biasa sebaliknya ini adalah Organ Paip Klais, yang direka dan dibina pakar terkemuka, Johannes Klais dari Jerman.

Menurut Eksekutif Front of House dewan berkenaan, Mariena Malek, organ paip diperbuat daripada besi tahan karat berjumlah 2,977 batang sememangnya berfungsi seperti alat muzik lain dan mampu menghasilkan irama seakan bisikan lembut yang menghiburkan.

"Iramanya memang menarik dan persembahan sulung organ ini sudah diadakan Januari lalu oleh pemain organ terkemuka, Simon Preston. Kami turut meletakkan sebuah organ di tengah-tengah paip organ ini supaya orang ramai dapat melihat pemain organ yang lazimnya agak tenggelam jika terletak bersama-sama ahli muzik lain," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Mariena berkata, dewan berbentuk shoe box atau kotak kasut yang direka pakar runding arkitek terkemuka, Cesar Pelli & Associates itu diasaskan pada dewan konsert yang dibina sekitar abad ke-19 seperti dewan

Musikverren, Vienna; Concertgebouw, Amsterdam; dan Dewan Simfoni Boston, Amerika Syarikat.

"Reka bentuk ini sememangnya popular dan penting dari segi akustik atau nilai bunyi. Dalam dewan ini misalnya, anjung separa bulat ada di kiri kanan dewan bukan sekadar seni bina biasa sebaliknya bertujuan memastikan bunyi itu terpantul dan bagi kepuasan penonton.

"Ini bermakna, tidak kira di pelosok mana pun penonton berada, bunyi yang sama akan diterima tanpa bantuan alat pembesar suara. Hasil seperti itu tidak akan diperoleh jika dewan ini berdindingkan permukaan rata," katanya.

Faktor akustik itu turut menjadi sebab DFP menggunakan lantai kayu saja. Ini kerana permaidani menyerap bunyi sedangkan kayu sebaliknya memantulkan bunyi. Dewan ini turut menggunakan alat hawa dingin khas yang lebih senyap.

Ia dilengkapi tujuh lapisan dinding yang menggunakan sejenis tekstur pemantul diletakkan di sebelah atas siling dewan itu bagi mengalirkan gelombang bunyi dari pentas ke pendengaran penonton.

Teknik ini sekali gus membenarkan semua penonton, sama ada di depan atau jauh di belakang menikmati bunyi muzik dengan tahap yang sama dan jelas.

Menurut Mariena, dinding DFP itu juga boleh dilaras dan dapat mengawal tahap penyerapan bunyi bagi membolehkan penonton mendengar muzik yang bersih dan bermutu.

Ciri-ciri unik sedemikian menjadikan Dewan Filharmonik Petronas itu begitu istimewa kerana nilai akustik atau bunyi-bunyian yang terserlah, hasil sentuhan syarikat pakar runding ternama, Kirkegaard & Associates.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DFP, Abdul Hamid Abu Bakar, berkata idea penubuhan sebuah dewan konsert seperti DFP itu bukanlah baru sebaliknya timbul sejak 1990-an lagi.

"Ia seakan menjadi satu kelaziman setiap bandar raya akan dilengkapi dengan sebuah dewan konsert. Dari sinilah timbulnya idea itu dan ia hanya dilaksanakan apabila wujudnya projek pembangunan menara berkembar ini.

"Tambahan pula, kita mahukan supaya ada tempat khusus bagi orkestra dan selaras dengan kewujudan Orkestra Filharmonik Malaysia," katanya.

Menurut Abdul Hamid, pembinaan DFP yang turut dilakukan bersama-sama dengan menara kembar Petronas itu, siap sepenuhnya dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, Ogos tahun lalu. Penaungnya adalah Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Beliau turut menafikan tanggapan bahawa dewan berkenaan khusus bagi golongan elit atau rakyat asing semata-mata, sebaliknya ia khusus bagi semua peringkat masyarakat dalam usaha mengembang, menggalak dan memperkaya khazanah seni muzik di negara ini.

"Hasrat kerajaan sendiri adalah untuk memberi ruang kepada muzik luar supaya dapat dilihat dan dimainkan sendiri rakyat tempatan. Mereka tidak perlu lagi membeli tiket dan ke luar negara sebaliknya dengan adanya dewan ini, persembahan ini dapat dilihat secara langsung dan di depan mata," katanya.

Abdul Hamid berkata, profil pengunjung ke dewan itu misalnya, adalah campuran etnik iaitu Melayu, Cina dan India serta kalangan rakyat asing yang bermastautin atau bekerja di Malaysia. Majoriti mereka juga berusia sekitar 40 hingga 45 tahun.

Malah, katanya, dewan itu tidak hanya bertumpu kepada persembahan muzik klasik semata-mata, sebaliknya acara kebudayaan yang dipaparkan Kumpulan Persembahan Kebudayaan Petronas (PPAG), turut dipersembahkan dari semasa ke semasa.

"Mereka mengadakan pelbagai bentuk kebudayaan dari seni tari sehingga ke dramatari, sekali gus menjadi bukti, khazanah seni budaya tempatan turut kami adakan di dewan ini.

"Sehubungan itu, tidak tepat jika dikatakan dewan ini hanya untuk muzik klasik yang dipersembahkan rakyat tempatan mahu pun orang luar," katanya.

Abdul Hamid berkata, yang membanggakan, biar pun usia DFP hanya setahun, ia mendapat sambutan amat menggalakkan dengan kadar sehingga 95 peratus penonton memenuhinya setiap kali persembahan.

Ini di luar jangkaan pihak DFP apa lagi dengan latar belakang dewan berkenaan yang masih baru selain kesedaran mengenai muzik klasik yang agak rendah selain kegawatan ekonomi yang menyebabkan ramai terpaksa berhati-hati apabila berbelanja.

(END)